

## KHUTBAH JUMAAT

### “TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN DAN RAKYAT ” (25 November 2022M/ 30 Rabiulakhir 1444H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “**Tanggungjawab Pemimpin Dan Rakyat**”.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada minggu lepas, kita sebagai rakyat Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab yang amat penting iaitu mengundi dalam pilihanraya bagi menentukan pihak yang akan memegang tampuk pemerintahan negara bagi tempoh lima tahun akan datang. Dalam negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan seperti Malaysia, parti politik yang mendapat kepercayaan majoriti rakyat akan dilantik untuk memerintah negara.

Dalam sejarah pemerintahan Islam, jawatan ketua negara diberi pelbagai gelaran seperti khalifah, imam, amirul mukminin dan sultan. Bagi negara kita, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah ketua utama negara bagi Persekutuan dan ini diperuntukkan dalam Perkara 32, Perlembagaan Malaysia. Pada baginda juga terletak kuasa pemerintahan Persekutuan dan Perdana Menteri adalah ketua eksekutif negara.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Menurut Imam al-Mawardi *rahimahullah*, kepimpinan adalah menggantikan tugas kenabian dalam menjaga agama Islam dan menguruskan kehidupan dunia dengannya. Ibn Khaldun *rahimahullah* juga menjelaskan kepimpinan ialah membawa seluruh manusia berada di atas landasan syarak bagi kepentingan akhirat dan urusan keduniaan yang menguntungkan akhirat.

Jadi, secara umumnya pemimpin Islam bertanggungjawab meneruskan perjuangan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam memelihara dan menjaga agama serta mentadbir dan mengurus dunia ini dengan panduan agama. Antara tanggungjawab pemerintah dalam urusan memelihara agama dan mentadbir dunia dengan agama, ialah;

**Pertama**, memelihara dan memartabatkan nilai murni agama. Berusaha mempertahankan kesucian agama daripada segala bentuk penyelewengan, kesesatan, ideologi yang bercanggah dengan Islam dan sebagainya.

Kepimpinan wajib menghapuskan segala bentuk penyelewengan yang merosakkan imej masyarakat dan Islam dengan menggunakan kaedah dan metod yang bersesuaian seperti penerangan, mengemukakan hujah, dan sehinggalah kepada tindakan undang-undang.

Sewajarnya pemimpin menjadi teladan serta mengamalkan cara hidup yang betul dan tidak menyeleweng. Sekiranya kepimpinan tidak mengamalkan 'kebenaran', maka rakyat akan menjadi lebih rosak lagi, sebagaimana maksud firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 44:

*“Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?”*

**Kedua**, menjaga keselamatan rakyat daripada pencerobohan dan anasir negatif dari pihak luar. Hal ini dapat dilakukan dengan menyediakan benteng pertahanan yang kukuh dan kekuatan ketenteraan yang mantap.

**Ketiga**, menegakkan keadilan dan menjamin keamanan dalam negara. Pemimpin perlu melaksanakan undang-undang yang telah diletapkan oleh syarak dan berlaku adil. Seterusnya, memastikan pelantikan hakim yang berkeelayakan untuk memikul tugas pengadilan supaya keadilan dapat ditegakkan yang sekaligus menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

**Keempat**, menyelesaikan perselisihan dan pertelingkahan dengan bijaksana. Solusi perlu dilakukan dengan berhemah dan melalui saluran yang betul. Pemimpin perlu memastikan pihak yang terlibat dengan proses pengadilan tidak dizalimi dan teraniaya.

**Kelima**, mengutamakan kebajikan dan menyediakan kemudahan asas kepada rakyat. Kepimpinan melalui saluran kementerian, jabatan dan sektor yang wujud perlu menyediakan kebajikan dan kemudahan asas kepada rakyat mengikut bidang kerja masing-masing seperti kesihatan, pendidikan, perindustrian, perdagangan, pertanian, pengangkutan, perumahan dan sebagainya.

Demikianlah antara tugas dan tanggungjawab kepimpinan yang perlu dilaksanakan supaya membawa kesejahteraan dan kebaikan dalam sesebuah negara. Natijah kepimpinan menurut Islam adalah untuk membina dan membangun insan yang sejahtera jiwa dan rohaninya, murni akhlak dan sikapnya, bersaudara, bantu-membantu dalam melakukan kebaikan, berganding bahu mencegah kemungkaran, mempertahankan nilai, kesucian dan kehormatan diri, menegakkan keadilan dan kebenaran, menolak kerosakan dan kebatilan.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita sebagai rakyat pula, berkewajipan untuk memberi ketaatan dan kesetiaan kepada *ulil amri* iaitu orang yang diberi kuasa oleh rakyat selama mana ia selaras dengan kehendak syarak. Inilah antara intipati ajaran Islam dalam soal kepemimpinan negara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Nisa, ayat 59 yang bermaksud:

*“Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.*

Imam al-Baghawiy *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya *Ma'alim at-Tanzil* menjelaskan bahawa makna *ulil amri* menurut Ibnu Abbas dan Jabir *radiallahu anhum* adalah fuqaha' dan ulama yang mengajar manusia ajaran-ajaran Islam, manakala Abu Hurairah *radiallahu anhu* pula menjelaskan maknanya ialah para pemerintah.

Berkaitan dengan hal ini, Sayyidina Abdullah bin Umar *radiallahu anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ ))

**Maksudnya:** Mendengar dan taat adalah wajib bagi setiap muslim, sama ada dalam perkara yang ia sukai ataupun yang tidak ia sukai, selama ia tidak diperintahkan melakukan kemaksiatan. Adapun jika ia diperintahkan melakukan maksiat, maka tidak ada (kewajiban) mendengar maupun mentaati.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Imam al-Nawawi *rahimahullah* menjelaskan hadis tersebut dalam kitabnya *al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim* bahwa :

*“Para ulama telah berijma’ bahwa wajib mentaati pemerintah dalam perkara yang bukan maksiat, dan haram mentaatinya dalam perkara maksiat.”*

Ini bermakna ketaatan kepada pemerintah hendaklah diberikan sama ada dalam perkara yang kita suka atau tidak selagi tidak dalam perkara maksiat. Apabila disuruh melakukan perkara mungkar dan maksiat, maka tidaklah boleh dipatuhi.

Dengan yang demikian, *insya Allah* kita pasti berjaya mencipta suatu umat yang terbaik demi kedaulatan negara tercinta dan untuk kelangsungan hidup anak cucu kita. Oleh itu, marilah kita menghayati prinsip demokrasi bernegara dan bermasyarakat berdasarkan nilai-nilai yang dituntut oleh Islam ke arah kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata’ala* dalam surah An-Nisa’, ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ  
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
سَمِيعًا بَصِيرًا.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya, Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak ihsan menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya, Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya, Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* hendaklah kita teruskan pada setiap masa.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan

bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.